



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN MASA DEPAN DALAM PEMBENTUKAN NILAI PELAJAR ABAD
KE-21 MELALUI NOVEL TERPILIH M.VARATHARASAN

MEGAVERNAN A/L JAGADESAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

“Akara mutala eḷuttellām āti

Pakavan mutarrē ulaku”

Dalam usaha menyiapkan dan melengkapkan cadangan penyelidikan ini, saya telah banyak berhutang budi kepada beberapa pihak yang membantu saya. Pertama sekali, saya bersyukur kepada Tuhan yang maha Esa kerana dengan berkatNya kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada Profesor Madya Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel, penyelia utama yang menyelia penulisan tesis ini. Beliau telah banyak memberi nasihat, tunjuk ajar, kritikan serta cadangan yang membina terhadap kajian ini. Sesungguhnya, segala panduan, pandangan dan saranan beliau menjadi dorongan dan daya penggerak bagi diri saya sehingga tesis ini berjaya dihasilkan. Saya juga merakamkan sejuta terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya emak dan isteri saya yang selalu memberi dorongan dan sokongan moral dalam penghasilan tesis ini. Selain itu saya juga berterima kasih kepada semua warga PKG Tapah Road dan rakan-rakan pegawai teknologi pendidikan daerah Batang Padang dan Muallim, terutamanya En. Nor Azman bin Ikhwan dan En. Mohd Kamil Fauzi bin Mahfud yang turut membantu saya dalam penghasilan tesis ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran kajian masa depan serta menganalisis kesesuaian pemikiran kajian masa depan dalam realiti abad ke-21 dalam empat buah novel terpilih M.Varatharasan dan menghubungkan kaitkan kesesuaian pemikiran kajian masa depan dengan pembentukan nilai pelajar abad ke-21. Kaedah kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta teori futurologi yang dipelopori oleh Ossip Flechtheim digunakan dalam kajian ini. Aliran pemikiran tesis ini tertumpu pada ramalan dan perancangan pemikiran kajian masa depan M.Varatharasan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sembilan ramalan dan 13 perancangan pemikiran kajian masa depan dalam novel M.Varatharasan. Sembilan ramalan dan 13 perancangan dalam novel terpilih M.Varatharasan adalah sesuai dengan realiti abad ke-21. Selain itu, sembilan pemikiran kajian masa depan dihubungkan dengan pembentukan nilai kemahiran khusus seperti pemahaman konsep masa depan, mengumpul maklumat dan analisis trend, membuat ramalan dan analisis, imaginasi dan kreativiti, membuat strategi mengatasi kebimbangan, proses inovasi sosial, membina senario, penjelasan nilai dan masa depan, dan dimensi kemapanan untuk kajian masa depan pelajar pada abad ke-21. Kesimpulannya, pemikiran kajian masa depan yang dikernal pasti dalam novel M.Varatharasan dapat digunakan dalam pembentukan nilai kemahiran khusus untuk kajian masa depan pelajar abad ke-21. Novel-novel yang dikaji boleh dijadikan teladan, panduan dan refleksi dalam pembelajaran pemikiran kajian masa depan oleh para pendidik, khususnya guru untuk merancang dan menerapkan kemahiran kajian masa depan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Kajian ini juga dapat membantu pelajar mengembangkan kemahiran imaginasi mereka dengan mempelajari pemikiran kajian masa depan yang boleh membantu mempertingkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif.





FUTURE STUDIES IN BUILDING 21st CENTURY STUDENT'S VALUE THROUGHT SELECTED M.VARATHARASAN'S NOVELS

ABSTRACT

This study aims to identify future research thinking and to analyze the relevance of future research thinking in 21st century reality in four selected M.Varatharasan novels and to link the relevance of future research thinking with 21st century student value creation. Qualitative methods, namely library and text analysis and futurological theory pioneered by Ossip Flechtheim were used in this study. This thesis thinking flow is based on the predictions and planning of M.Varatharasan's future research thinking. The findings of the study show that there are nine predictions and 13 future planning thinking in M.Varatharasan's novel. Nine predictions and 13 planning in M.Varatharasan's selected novels fits the 21st century reality. In addition, nine future research ideas are linked to the formation of specific skills values such as understanding future concepts, gathering information and analyzing trends, making predictions and analysis, imagination and creativity, creating anxiety-solving strategies, social innovation processes, building scenarios, explaining value and future, and sustainable dementia for the future study of students in the 21st century. In conclusion, the notion of future research identified in M.Varatharasan's novel can be used in the development of specific skills for 21st-century student learning. The reviewed novels can serve as an example, a guide and reflection on the teaching of future research thinking by educators, especially teachers to plan and apply future research skills in their teaching and learning process. This study can also help students develop their imagination skills by learning future research ideas that can help them develop creative and innovative thinking skills.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
TRANSLITERASI	xiii

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Kajian Masa Depan Dalam Novel M.Varatharasan	3
1.2.2	Latar Belakang Pengarang, M.Varatharasan	7
1.2.3	Latar Belakang Kajian Masa Depan Dalam Kurikulum	8
1.3	Permasalahan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Batasan Kajian	16
1.8	Sumber Kajian	17
1.8.1	Sumber Pertama	17
1.8.2	Sumber Kedua	18
1.9	Definisi Operasional	18

1.9.1	Pemikiran Kajian Masa Depan	18
1.9.2	Novel	20
1.10	Kesimpulan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Kajian Masa Depan	23
2.2.1	Pandangan Alvin Toffler	24
2.2.2	Pandangan Draper L. Kauffman	25
2.2.2	Pandangan Richard Slaughter	25
2.2.4	Kajian-Kajian Lepas Mengenai Kajian Masa Depan	26
2.3	Kesimpulan	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	34
3.2	Rekabentuk Kajian	35
3.2.1	Kerangka Kajian	37
3.3	Kaedah Kajian	38
3.3.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	38
3.3.2	Kaedah Analisis Teks	39
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	40
3.4.1	Pembacaan Data	41
3.4.2	Pemilihan Data	41
3.4.3	Pembahagian Data	41
3.5	Teori Kajian	42
3.6	Kerangka Teori	47
3.7	Kesimpulan	48

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	49
-----	-------------	----

4.2	Analisis Dapatan Kajian	50
4.2.1	Meramal Dan Merancang Masa Depan	51
4.2.1.1	Perancangan Keluarga	51
4.2.1.2	Kesenian Dan Peralatan Tradisional Akan Dilupakan Apabila Peralatan Moden Berkembang	57
4.2.1.3	Sains Dan Teknologi Tidak Dapat Memenuhi Bidang Muzik Dan Drama Pada Masa Hadapan	62
4.2.1.4	Meramalkan Jentera Akan Membuat Kerja 100, 000 Orang Pada Masa Depan	66
4.2.1.5	Pekerjaan Yang Melebihi Lima Tahun Akan Membuatkan Bosan	70
4.2.1.6	Masyarakat Akan Kehilangan Akhlak Dan Kasih Sayang Sekiranya Mereka Mengalami Kebuluran	75
4.2.1.7	Manusia Yang Tidak Menjaga Badan Akan Mengalami Masalah Kesihatan	86
4.2.1.8	Kanak-Kanak Perlu Ditegur Dengan Kaedah Positif Apabila Mereka Membuat Nakal	92
4.2.1.9	Merancang Dalam Pencarian Pasangan Hidup Yang Bersesuaian	98
4.2.1.10	Menulis Catatan Untuk Rujukan Masa Hadapan	101
4.2.1.11	Membuat Hak Cipta Terpelihara Pada Hasil Ciptaan	105
4.2.1.12	Suami Dan Isteri Perlu Bertolak Ansur Antara Satu Sama Lain	110
4.2.1.13	Hidup Berdikari Tanpa Bergantung Kepada Bantuan Orang Lain	115
4.2.1.14	Merancang Untuk Memiliki Kendaraan Sendiri	118
4.2.2	Pembentukan Nilai Pelajar Abad Ke-21	120

4.2.2.1 Pemahaman Konsep Masa Depan	124
4.2.2.2 Kemahiran Mengumpul Maklumat	127
4.2.2.3 Kemahiran Membuat Ramalan Dan Analisis	128
4.2.2.4 Kemahiran Imajinasi Dan Kreativiti	130
4.2.2.5 Kemahiran Membuat Strategi Mengatasi Cabaran	133
4.2.2.6 Kemahiran Proses Inovasi Sosial	135
4.2.2.7 Kemahiran Membina Senario	138
4.2.2.8 Kemahiran Penjelasan Nilai Dan Masa Depan	140
4.2.2.9 Kemahiran Dimensi Kemapanan	142

4.3	Kesimpulan	145
-----	------------	-----

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pendahuluan	146
5.2	Kajian Masa Depan Dalam Novel Terpilih M. Varatharasan	147
5.3	Pembentukan Nilai Pelajar Abad Ke-21	153
5.4	Cadangan Kajian Selanjutnya	156
5.4	Kesimpulan	157

RUJUKAN	158
----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Senarai Novel	17
4.1 Kemahiran Khusus Kajian Masa Depan	124
5.1 Senarai pemikiran kajian masaa depan M.Varatharsan yang dikenal pasti	147





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

3.1 Kerangka Kajian

37

3.2 Kerangka Teori

47





NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	<i>a</i>		உ	:	<i>u</i>		ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>		ஊ	:	<i>ū</i>		ஓ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>		எ	:	<i>e</i>		ஔ	:	<i>ō</i>
ஈ	:	<i>ī</i>		ஏ	:	<i>ē</i>		ஔ	:	<i>au</i>



CONSONANTS

க்	:	<i>k</i>	ங்	:	<i>ṅ</i>	ய்	:	<i>y</i>
ச்	:	<i>c</i>	ஞ்	:	<i>ñ</i>	ர்	:	<i>r</i>
ட்	:	<i>ṭ</i>	ண்	:	<i>ṇ</i>	ல்	:	<i>l</i>
த்	:	<i>t</i>	ந்	:	<i>n</i>	வ்	:	<i>v</i>
ப்	:	<i>p</i>	ம்	:	<i>m</i>	ழ்	:	<i>ḷ</i>
ற்	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>ṇ</i>	ள்	:	<i>ḷ</i>

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ṣ</i>	க்ஷ்	:	<i>kṣ</i>
ஹ்	:	<i>h</i>			





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Karya sastera tidak wujud sebagai fenomena ekspresi semata-mata. Dua entiti yang diperlukan ialah sastera dan pembangunan masyarakat. Penggunaan sastera dalam tradisi keilmuan masyarakat telah lama wujud. Pertembungan budaya yang bertapak menerusi penjajahan, perdagangan dan penghijrahan juga diwarnai dalam karya sastera tempatan. Sastera bukan sahaja menyentuh soal estetika malah kerohanian. Ia juga mengaitkan hal-hal kemasyarakatan, ekonomi, budaya, politik dan sebagainya. Terdapat idealisme serta harapan terhadap peranan kesusasteraan terhadap masyarakat yang dicita-citakan. Lantaran itu, terdapat beberapa gelombang perubahan yang sesuai dengan konteks latar dan masyarakat yang telah dilalui dalam sejarah pendidikan sastera (Kartini Anwar, 2008).





Novel ianya dapat menggambarkan masyarakat keseluruhan, serta menyalurkan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. Bentuk bahasa novel dapat dikaitkan dengan tema, sama ada tema utama atau tema sampingan. Di samping itu, novel juga dapat memaparkan pelbagai konsep serta perkara dan menerusi tanggapan serta gambaran penulis, perasaan yang dikongsi bersama masyarakat dapat ditunjukkan. Melalui novel juga kita dapat merasai pemikiran kajian masa depan penulis terhadap masyarakat.

Dalam bab satu, pengkaji akan menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, sumber kajian dan definisi operasional kajian ini dengan jelas. Terdapat dua sumber kajian dan dua definisi operasional dalam kajian ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Masa boleh dibahagikan kepada tiga iaitu masa dulu, masa kini dan masa depan. Masa dulu ialah masa yang telah lalu dan meninggalkan pengalaman dan pengajaran kepada manusia. Masa kini ialah masa yang sedang nikmati dan sedang dialami oleh manusia. Masa depan ialah masa yang akan datang dan akan dialami oleh manusia.

Manusia tidak boleh melakukan apa-apa perubahan kepada masa dulu. Manusia boleh melakukan perubahan pada masa kini demi masa depan yang diinginkan. Manusia boleh merancang dan meramal masa depan dengan meninjau apa yang berlaku pada masa dulu dan melakukan perubahan pada masa kini.





1.2.1 Kajian Masa Depan dalam Novel M.Varatharasan

Sastera merupakan suatu unsur yang menunjukkan kisah manusia secara teratur. Genre-genre ini menjadi panduan yang teratur untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat serta alat memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Oleh hal yang demikian, sastera boleh dijadikan sebagai bahan bukti bagi mewujudkan dokumen-dokumen rasmi yang menceritakan sejarah sesebuah masyarakat (Royal Tyller, 2002).

Novel adalah salah satu bentuk karya sastera. Novel merupakan cerita fiksi dalam bentuk tulisan yang mengandungi model kehidupan ideal atau imaginasi yang dikarya melalui pelbagai unsur intrinsik dan ekstrinsik seperti peristiwa, latar belakang dan plot. Sebuah novel biasanya menceritakan kehidupan manusia dengan cara berinteraksi dengan orang kedua atau monolog. Dalam sesebuah novel, pengkarya akan berusaha untuk memberi gambaran sebenar kepada pembaca melalui cerita (Nurgiyantoro, 2010).

Perkataan novel berasal daripada perkataan Latin iaitu “*Novelius*”. Perkataan “*Novelius*” terhasil daripada perkataan “*noveis*” yang membawa maksud baru. Novel dipanggil baru kerana novel ialah karya yang muncul selepas karya lain seperti puisi dan drama. Maka novel dihasilkan oleh pengkarya untuk meluahkan buah fikirannya, menceritakan peristiwa di sekelilingnya, meluahkan pengalamannya ataupun pengalaman orang lain dengan pola penulisan yang bebas dan tidak terikat dengan mana-mana peraturan menulis (Tarigan, 2000).





Pada zaman sekarang, novel atau buku cerita tebal telah menjadi bahan bacaan kegemaran orang ramai. Terdapat banyak judul novel daripada pelbagai genre yang boleh dibaca sebagai bahan bacaan pada waktu lapang. Terdapat juga ramai penulis novel dengan gaya penulisan masing-masing yang menjadi ciri khas mereka. Penulis novel pertama di dunia ialah seorang wanita Jepun bernama Murasaki Shikibu.

Nama Murasaki Shikibu bukan nama sebenarnya, malah nama itu hanyalah nama samaran. Tiada sesiapa yang mengetahui nama asalnya. Murasaki dilahirkan sekitar awal abad ke-11 daripada keluarga yang kaya di Jepun, iaitu keturunan daripada keluarga mangkubumi di Fujiwara. Murasaki juga dikenal sebagai perempuan yang cerdas. Pada tahun 998 dia berkhawin dan melahirkan seorang anak perempuan. Pada tahun 1001, suaminya meninggal dunia dan dia menjadi ibu tunggal. Selepas beberapa tahun kemudian, dia ditawarkan untuk bekerja sebagai dayang di Istana Heian kerana kemampuan menulisnya dan pemikirannya yang cerdas daripada orang lain.

Novel yang ditulis oleh Murasaki berjudul “*Genji Monogatari*”, yang diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris pada tahun 1882 dengan tajuk “*The Tales of Genji*”. Novel ini memiliki 54 bab dengan jumlah 1000 halaman. Dipercayai Murasaki mula menulis novel ini sebelum dia menjadi kakitangan istana dan sebelum kematian suaminya. Novel ini menceritakan tentang kisah Hikaru Genji yang dikatakan salah satu empayar besar pada zaman dahulu. Novel ini dikarya dengan Bahasa Jepun klasik yang cukup rumit dan susah untuk difahami oleh orang Jepun sendiri. Novel tersebut





merupakan novel pertama di dunia yang telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa dan juga dipentaskan dalam bentuk seni pentas di pelbagai tempat (Royal Tyller, 2002).

Di negara-negara barat, negara-negara Eropah adalah perintis kesusasteraan novel. Novel pertama diterbitkan oleh Samuel Richardson pada tahun 1740 di England. Dia menulis sebuah buku yang mengandungi surat-surat cinta fiksyen yang menjadi bahan bacaan kegemaran pembaca pada waktu itu. Buku tersebut berbentuk inovatif dan digemari oleh orang ramai pada masa tersebut. Samuel Richardson memberi tajuk "*Pamela*" kepada buku tersebut. Orang ramai yang membaca buku tersebut mula memanggilnya sebagai novel. Penulis-penulis lain di Eropah mula mengikut cara penulisan Samuel Richardson dan lama-kelamaan penulisan novel mula berkembang di negara-negara barat. Pada zaman yang sama Henry Fielding memerhatikan yang ramai orang yang suka membaca novel "*Pamela*" dan berbincang di merata-rata tempat. Henry Fielding mula membuat revolusi dalam dunia novel Inggeris dengan menulis novel bertajuk "*Tom Jones*" yang mengandungi banyak watak, unsur jenaka dan sindiran (Vijayalekshmi, P. 1977).

Dengan perkembangan novel di dunia, bahasa-bahasa di negara India seperti Hindi, Bengali, Marathi, Tamil, Telugu, Malayalam, Kannada dan Oriya turut menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan novel. Abad ke-18 merupakan abad yang penting dalam perkembangan sastera Tamil moden. Novel dan cerpen dari





barat mula meresap dalam sastera prosa. Perkara tersebut turut memberi impak dalam kesusasteraan Tamil dengan menukar wajah dari klasik ke moden (Jesuthas, 2010).

Tahap perkembangan Bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India bergantung pada hasil penciptaan karya bangsa Tamil. Mereka menggunakan bahasa Tamil sebagai alat pertuturan dan berusaha mengembangkan peradaban serta memajukan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa (Akilan, 2002).

Cerita panjang yang ditulis dalam bentuk prosa yang dipanggil novel. Pada awalnya, novel dipanggil sebagai novel dalam Bahasa Tamil. Selepas membuat penterjemahan dalam Bahasa Tamil, novel digelar sebagai *putinam*. Novel juga dikatakan sebagai perkembangan daripada cerpen. Cerpen dibagikan kisah pendek yang berputar dalam bulatan kecil, tetapi novel dibagikan cerita yang beroperasi di kawasan yang lebih luas. Pada zaman perkembangan novel di India, para sasterawan bahasa Tamil yang berpendidikan bahasa Inggeris mula melibatkan diri dalam bidang penulisan novel. Tiga novel pertama yang ditulis dalam bahasa Tamil ialah, *Piratāpa Mutaliyār Sarittiram* yang ditulis oleh Vedhanayagam Pillai, *Kamalāmpāl Sarittiram* yang ditulis oleh Rajam Ayer dan *Patmāvati Sarittiram* yang ditulis oleh Mathavaiya. Novel menjadi bahan bacaan kegemaran masyarakat Tamil pada zaman novel diperkenalkan. Novel dalam Tamil juga dikategorikan kepada novel pengesanan, novel sosial, novel bersejarah, novel diterjemah, novel penyesuaian dan novel kawasan (Gunasilan, R. 2013).





M.Varatharasan ialah seorang penulis yang terkenal dalam arena penulisan Tamil. M.Varatharasan juga salah seorang penulis yang mencerminkan unsur-unsur kajian masa depan, feminisme, nilai-nilai moral dan sosio budaya masyarakat. Pemikiran kajian masa depan yang terkandung dalam novel-novel M.Varatharasan boleh dijadikan panduan hidup masyarakat pada zaman sekarang. Beliau telah menulis sebanyak 13 novel dan beberapa novel M.Varatharasan telah diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris, Bahasa Russia, Bahasa Sri Lanka dan Bahasa Hindi. Novel M.Varatharasan juga pernah mendapat anugerah kerajaan negeri Tamil Nadu sebagai novel terbaik untuk masyarakat (Tirunavukarasu, S. 2011).

1.2.2 Latar Belakang Pengarang, M.Varatharasan



M. Varatharasan ialah seorang penulis Tamil yang telah dilahirkan pada 25 April 1913 di Thirupattur. Pada tahun 1935, beliau berkahwin dengan sepupunya Ratha. Beliau adalah orang pertama yang mendapat ijazah doktor falsafah dalam bidang pengajian Tamil di Universiti Madras pada tahun 1948. Beliau pernah menulis 13 karya novel, dua karya cerpen, enam karya drama, sebelas karya jenis karangan, dan tujuh karya sastera kanak-kanak. Beliau telah mendapat anugerah tokoh sastera (D.Lit) daripada Usuder Kolej, Amerika Syarikat. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Pengajian Tamil di Universiti Madras. Pada tahun 1971 hingga 1974 beliau berkhidmat sebagai Naib Canselor di Universiti Madurai Kamaraj. Beliau juga fasih dalam Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris, Telugu, Malayalam, Kannada dan Hindi. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1974, pada umur ke-62. Kebanyakan karya beliau mendapat sambutan hangat daripada masyarakat. Hal ini dibuktikan apabila





masih ada karya-karya beliau dicetak dan dijual dalam pasaran. Masih ada pembaca yang membaca karya-karya M.Varatharasan (Tirunavukarasu, S. 2011).

Menurut bacaan awal pengkaji, buku bertajuk *Ki.Pi. 2000* yang telah ditulis oleh M.Varatharasan adalah salah satu buku yang meramalkan dunia selepas tahun 2000. M.Varatharasan menulis buku *Ki.Pi. 2000* pada tahun 1947 yang banyak merangkumi pemikiran kajian masa depan. Dalam buku *Ki.Pi. 2000* M.Varatharasan telah meramalkan dunia masa akan datang dan membuat perancangan sebagai persediaan untuk menghadapi perubahan pada masa depan. Dalam buku *Ki.Pi. 2000* M.Varatharasan telah menjelaskan bagaimana akan ada rupa dunia selepas tahun 2000 dari segi komunikasi, pengangkutan, politik, pendidikan, peradaban, pertanian, perindustrian dan kebajikan. Buku *Ki.Pi. 2000* telah mendapat sambutan ramai dan tiada penulis yang menulis buku sebegini pada zaman tersebut (Varatharasan, M. 1947).

1.2.3 Latar Belakang Kajian Masa Depan dalam Kurikulum

Pada tahun 2003 Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan pendidikan kajian masa depan kepada pelajar di sekolah sebagai elemen merentasi kurikulum. Elemen merentasi kurikulum ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam standard kandungan kurikulum. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan. Pada tahun 2003 juga Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan semakan Kurikulum Bersepadu





Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bersama elemen merentasi kurikulum kajian masa depan supaya diajar oleh semua guru di sekolah sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2003, Kementerian Pendidikan Malaysia).

Kementerian Pendidikan Malaysia juga memperkenalkan dasar penggunaan media dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan membekalkan pelbagai jenis teknologi (perkakasan dan perisian) bagi tujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara teknologi utama yang dibekalkan kepada sekolah ialah komputer dan perantinya, *Digital Multimedia Systems*, rancangan TV Pendidikan, dan perisian pendidikan (*courseware*).

Pembekalan teknologi ini dibuat secara berperingkat-peringkat. Kementerian memperkenalkan pendidikan kajian masa depan ini dalam kurikulum bersama kemudahan pelbagai jenis teknologi kerana menyedari betapa pentingnya pemikiran kajian masa depan kepada pelajar-pelajar di sekolah untuk membina generasi yang akan datang yang boleh menangani cabaran masa semasa dan masa depan (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2003, Kementerian Pendidikan Malaysia).

Dalam pendidikan sekolah peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, terdapat mata pelajaran Kesusasteraan Tamil yang mana semua pelajar-pelajar boleh mempelajarinya sebagai mata pelajaran elektif. Mata pelajaran ini telah diperkenalkan sebelum merdeka kepada pelajar-pelajar menengah atas sebagai mata pelajaran elektif luar kurikulum. Teks puisi, cerpen dan novel digunakan sebagai buku teks dalam mata





pelajaran Kesusasteraan Tamil. Novel-novel M.Varatharasan pernah dipilih sebagai teks novel mata pelajaran ini. Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang akan diperkenalkan pada tahun 2020 kepada menengah atas, pelajar yang mengambil peperiksaan Kesusasteraan Tamil dalam Sijil Pelajaran Malaysia perlu menghadiri kelas sekurang-kurangnya 64 jam dalam setahun. Dalam kurikulum baru ini, mata pelajaran ini bukan lagi mata pelajaran luar kurikulum. Novel-novel M.Varatharasan dipilih kerana terdapat banyak unsur moral termasuk kajian masa depan yang menyumbang kebaikan kepada kehidupan pelajar. (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2016, Kementerian Pendidikan Malaysia).



Manusia adalah makhluk yang secara rutinnya dilahirkan lebih awal (*prematurely*). Kebanyakan manusia memerlukan masa sehingga setahun untuk melakukan perkara yang seakan sama. Manusia membuat jambatan di sungai-sungai dan penghalang seperti pagar kepada binatang-binatang. Manusia juga mencipta alatan untuk perlindungan diri dan yang tersayang. Manusia juga mencipta perkara-perkara lain yang boleh menyebabkan bumi menjadi kering dan tandus (Ahmad Zuhairi Abdul Majid, 2015).

Manusia membangun diri melalui penghasilan dan pembuatan secara kreatif, satu proses sejak kejatuhan nilai di pasaran kewangan dan ini dikenali sebagai inovasi. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, konsep inovasi tidak dapat elakkan kerana





meninggalkan kesan yang baik kepada masyarakat. Konsep ini telah diaplikasikan dalam banyak konteks dan telah digunakan secara meluas. Dengan itu penyelidikan tentang inovasi memberi satu wawasan baharu yang berfaedah kepada semua yang terlibat secara langsung dalam mana-mana organisasi pembangunan, pentadbiran, pengurusan, kewangan atau pembangunan produk dan perkhidmatan. Inovasi memainkan peranan yang amat penting walaupun dalam pembangunan industri jenis perkhidmatan (Ahmad Zuhairi Abdul Majid, 2015).

Pemahaman tentang konsep inovasi ini akan memberi peluang kepada kita untuk berhadapan dengan pengguna atau pelanggan dalam sesuatu perniagaan atau organisasi. Menurut *Institute of Future Studies*, Copenhagen, mereka mewujudkan penyelidikan masa depan yang akan menyumbang kepada pelbagai jenis inovasi.

Dengan itu mereka memperkenalkan satu konsep baharu iaitu *future-driven innovation* atau inovasi dorongan-masa depan. Sebagai contoh, beberapa inovasi berkaitan bioteknologi adalah berdasarkan inovasi dorongan masa depan dan keuntungan bukan pada pasaran semasa tetapi pada masa akan datang (Ahmad Zuhairi Abdul Majid, 2015). Kajian masa depan ataupun pemikiran kajian masa depan adalah sangat penting untuk menyesuaikan diri atau menghadapi perubahan yang akan datang.

Masa depan sentiasa akan berubah dari masa ke masa dalam semua bidang. Dengan menguasai kemahiran masa depan, manusia meramalkan masa depan dan boleh merancang untuk masa depan yang lebih sejahtera. Kemahiran masa depan membolehkan manusia menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku pada masa depan. Jika manusia tidak mempunyai kemahiran masa depan, maka akan menghadapi





masalah untuk menangani perubahan yang bakal akan berlaku. Mereka juga akan mengalami kejutan masa depan ataupun “*Future Shock*” (Alvin Tofler. 1971). Semua manusia perlu menguasai kemahiran masa depan untuk membina strategi masing-masing demi menghadapi perubahan masa depan.

Ramai lagi dalam kalangan masyarakat tidak menyedari tentang kemahiran kajian masa depan dan mereka menghadapi cabaran yang cukup besar untuk menyesuaikan diri dalam perkembangan teknologi pada abad ke-21. Masyarakat yang tidak mempunyai kemahiran kajian masa depan akan menghadapi kejutan seperti yang dinyatakan oleh Alvin Tofler (1971).

Menurut pandangan Alvin Tofler, manusia akan ketinggalan zaman sekiranya tidak bersedia menghadapi perubahan yang terus berlaku pada masa depan. Hal ini akan memberi kejutan ataupun fobia pada perubahan arus teknologi. Ciptaan manusia terlalu banyak dan ada yang memudaratkan keseimbangan diri manusia ataupun alam sekitar. Bagi menangani perkembangan teknologi dan hasil ciptaan, seseorang perlu memahami konsep kajian masa depan. Pada abad ke-21 ramai tidak berfikir masa depan dan hasil inovasi atau ciptaan mereka memberi impak yang tidak sihat kepada semua.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih seorang penulis yang terkenal dalam arena penulisan novel Tamil iaitu M.Varatharasan. Beliau terkenal dan menulis tentang pemikiran kajian masa depan dan masalah masyarakat melalui novel-novel beliau. Karya beliau juga dikaji oleh kebanyakan mahasiswa di dalam dan di luar negara.





Tetapi tiada sesiapa pun mengkaji tentang pemikiran kajian masa depan yang terkandung dalam karya M.Varatharasan.

M.Varatharasan telah menulis sebuah karya yang bertajuk 2000 Selepas Masihi (*Ki.Pi. 2000*) yang diterbitkan pada tahun 1947 yang menceritakan tentang dunia masa hadapan iaitu selepas tahun 2000. Dalam karya itu, beliau telah membuat ramalan tentang dunia alaf baru yang menggunakan komputer, alam pendidikan yang kondusif, politik yang tidak mementingkan diri sendiri dan kesedaran yang perlu ada pada masyarakat masa hadapan. Lebih kurang 70 tahun lalu pengkarya menulis buku *Ki.Pi. 2000* yang penuh dengan kajian masa depan dengan membuat ramalan dan perancangan untuk menghadapi tahun 2000. Beliau juga telah menulis 13 buah novel dan terdapat beberapa novelnya mendapat anugerah. Dengan menjalankan kajian ini akan dapat menganalisis kesesuaian pemikiran kajian masa depan M.Varatharasan dengan realiti abad ke-21 dan mengenal pasti pemikiran kajian masa depan yang dikatakan oleh M.Varatharasan dalam menangani konflik dalam kalangan masyarakat pada zaman sekarang.

Dengan membuat kajian ini dapat menghubungkaitkan kemahiran kajian masa depan M.Varatharasan dalam pembentukan nilai pelajar abad ke-21 kerana ramai pelajar tidak menyedari tentang cabaran masa depan. Pelajar juga akan mengalami kesukaran membuat strategi kehidupan apabila keluar daripada alam sekolah kerana tidak mampu berfikir masa depan. Kajian masa depan di sekolah dalam elemen merentasi kurikulum dapat membantu pelajar-pelajar berupaya menangani keperluan mendadak dalam masyarakat kini dan masa depan di samping menjadi generasi muda, sebagai individu berpendidikan serta berpandangan luas untuk





kehidupan yang lebih selesa. Kajian ini akan dapat mengemukakan bagaimana pemikiran kajian masa depan yang terdapat dalam novel-novel M.Varatharasan digunakan dalam pembentukan nilai pelajar abad ke-21.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah untuk :-

- i. Mengenal pasti pemikiran kajian masa depan yang digambarkan dalam novel M.Varatharasan.
- ii. Menganalisis kesesuaian pemikiran kajian masa depan dalam realiti abad ke-21 dalam novel M.Varatharasan.



- iii. Menghubungkan kesesuaian pemikiran kajian masa depan dalam pembentukan nilai pelajar pada abad ke-21.

1.5 Soalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :-

- i. Apakah pemikiran kajian masa depan yang digambarkan dalam novel M.Varatharasan?
- ii. Apakah persamaan dan perbezaan pemikiran kajian masa depan yang digambarkan dalam novel M.Varatharasan dengan realiti abad ke-21?
- iii. Bagaimanakah pemikiran kajian masa depan M.Vartharasan boleh membantu dalam nilai pelajar abad ke-21?





1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian mempunyai kepentingan tersendiri. Begitu juga dengan kajian pengkaji dalam mengkaji pemikiran kajian masa depan dalam novel-novel M.Varatharasam dan novel Tamil turut mempunyai kepentingan dan akan memberi impak kepada pengkaji dan juga pembaca. Novel juga adalah satu cabang disiplin ilmu seperti genre-genre sastera yang lain.

Pemikiran kajian masa depan yang terdiri daripada konsep membuat ramalan terhadap masa depan dan membuat perancangan untuk masa depan perlu dikuasai oleh semua manusia demi pembangunan diri. Pemikiran kajian masa depan ini perlu diajar kepada anak-anak muda supaya mereka dapat membentuk diri mereka sendiri mengikut perubahan masa depan. Pemikiran kajian masa depan penting kepada individu, keluarga, masyarakat, organisasi dan negara untuk menghadapi cabaran dan perubahan pada masa akan datang.

Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan pengajaran kepada pengkaji kerana ia akan membantu mereka dalam mengkaji pemikiran kajian masa depan oleh M.Varatharasan dan bagi para pembaca pula akan dapat menaakul dan mengetahui tentang pemikiran kajian masa depan yang cuba digambarkan oleh penulis bagi situasi sebenar. Di samping itu, kajian ini juga akan memberikan pengajaran kepada pembaca tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang mudah dilupakan semata-mata untuk menikmati kehidupan sementara yang penuh dengan pelbagai keseronokan dan godaan di sekeliling masyarakat sama ada golongan muda ataupun tua.





Kajian ini juga dapat membantu para pendidik khususnya guru di sekolah untuk merancang dan menerapkan kemahiran kajian masa depan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Guru-guru dapat menerapkan kemahiran kajian masa depan atau pemikiran kajian masa depan dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran. Kajian ini juga dapat membantu pelajar-pelajar untuk mengetahui kemahiran masa depan. Pelajar-pelajar juga dapat mengembangkan kemahiran imaginasi mereka dengan mempelajari pemikiran kajian masa depan yang boleh membantu mempertingkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif.

1.7 Batasan Kajian

Dalam membincangkan tajuk ini, pengkaji akan memberikan tumpuan atau batasan kajian terhadap novel-novel M.Varatharasan. Novel-novel M.Varatharasan merupakan salah satu karya yang mendapat sambutan hangat dalam kalangan masyarakat India. Kajian ini dibataskan kepada genre novel Tamil M.Varatharasan. Dalam genre ini pemikiran kajian masa depan oleh penulis dan kesesuaian pemikiran itu untuk masa kini sahaja telah dikaji. Terdapat 13 karya novel yang ditulis oleh M.Varatharasan. Terdapat novel-novel M.Varatharasan telah menerima anugerah novel terbaik di Tamil Nadu yang diberi oleh kerajaan Tamil Nadu. Pengkaji hanya memberi tumpuan kepada empat buah novel M.Varatharasan yang mana dikarya pada tahun yang berlainan.





Jadual 1.1

Senarai novel-novel terpilih karya M.Varatharasan

Bil	Judul Novel	Tahun Terbitan
1	<i>Kaḷḷō kāviyamō</i>	1947
2	<i>Karittuṇtu</i>	1953
3	<i>Alli</i>	1955
4	<i>Vāṭā Malar</i>	1960

Empat novel yang dipilih untuk kajian ini membincangkan pemikiran kajian masa depan tentang masyarakat dengan panjang lebar dan secara mendalam. *Kaḷḷō Kāviyamō* adalah salah satu novel yang mendapat anugerah novel terbaik daripada kerajaan Tamil Nadu. Pengkaji membataskan kepada satu novel bagi setiap jangka masa empat tahun yang mana dikarya bermula pada tahun 1946 hingga 1960.



1.8 Sumber Kajian

Umumnya, kajian tesis ini dihasilkan berdasarkan dua sumber iaitu sumber primer iaitu sumber pertama dan sumber kedua iaitu sumber sekunder.

1.8.1 Sumber Pertama

Sumber pertama kajian ini adalah teks-teks novel yang dipilih. Iaitu teks-teks karya novel M.Varatharasan. M.Varatharasan telah menulis 13 buah karya novel dan empat daripada novel tersebut dipilih sebagai sumber pertama kajian ini.





1.8.1 Sumber Kedua

Sumber kedua kajian ini berdasarkan kepada kajian, bahan, artikel, jurnal, buku-buku serta prosiding tentang karya M.Varatharasan dan juga pemikiran kajian masa depan di dalam negara dan di luar negara.

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Maka pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsepnya bagi memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut.

Kegiatan memberi istilah konsep ini berdasarkan tajuk kajian iaitu “Pemikiran kajian masa depan dalam novel-novel M.Varatharasan”. Penghuraian definisi konsep yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk memudahkan kajian kepada pernyataan masalah ke atas tajuk kajian yang telah dipilih.

- i. Pemikiran kajian masa depan
- ii. Novel

1.9.1 Pemikiran Kajian Masa Depan

Kajian masa depan dalam kesusasteraan pada asalnya dimulakan oleh Filippo Tommaso Marinetti (F.T.Marinetti) seorang pelukis yang berbangsa Itali pada 1876-1944. Beliau membuat manifesto untuk menyebar luaskan pemikiran kajian masa





depan yang mana tiada batasan untuk membuat imaginasi. F.T.Marinetti juga menyebarkan pemikiran futuristik beliau dengan hasil karya lukisan kepada dunia (Narayan Karan Reddy, V. 1985).

Selain kajian masa depan di Itali, ia juga berkembang di Russia seperti diperkenalkan oleh F.T.Marinetti. Di Russia David Burliuk (1882-1967), Aleksey Krucenyx (1886-1968), Vladimir Mayakovsky (1893-1930) and Viktor (*Velemir*) Khlebnikov (1885-1932) telah bermula menyebarkan pemikiran kajian masa depan sebagai pemberontakan terhadap pergerakan simbolis. Di Russia pemikiran kajian masa depan dibahagikan kepada dua bahagian. Iaitu *Cubo-Futurism* dan *Ego-Futurism*. *Cubo-Futurism* ialah memperluaskan bahasa sewenang-wenangnya dengan kata-kata yang diperolehi. *Ego-Futurism* ialah futurism yang kesat dan hanya menumpukan kemajuan tentang keghairahan, lantang dan mementingkan diri yang suka mempamerkan diri sebagai Futurist. Kedua-dua pemikiran kajian masa depan ini disebar luarkan melalui puisi kepada masyarakat (Narayankaran Reddy, V. 1985).

Pemikiran kajian masa depan merangkumi nasib manusia, masa depan masyarakat dan ia mesti menangani bukan sahaja dengan evolusi bakal biologi dan psikologi, tetapi juga dengan keseluruhan rangkaian aktiviti-aktiviti budaya pada masa hadapan. Lebih-lebih lagi, ia termasuk semua sifat (fizikal, geografi dan lain-lain) faktor dan proses yang akan memberi kesan kepada manusia dan budaya pada masa yang akan datang. Kajian masa depan hanya boleh mengambil hipotesis jarak jauh dan teori berkaitan harapan alam semesta, evolusi masa depan bumi, iklim, flora dan fauna pada masa depan (Ossip Flechtheim, 1960).





1.9.2 Novel

Novel ialah cereka yang berpatutan panjangnya, dengan menonjolkan watak-watak dengan aksi masing-masing sebagai cerminan kepada kehidupan di dunia nyata (*Shorter Oxford English Dictionary*, 2007). Novel ialah fiksyen yang diolah secara realistik sehingga khalayak benar-benar merasai peristiwa yang dipaparkan menerusi aksi tokoh-tokoh yang bergerak menerusi hukum sebab dan akibat merupakan manifestasi kepada kehidupan manusia seharian.

Beberapa faktor menuntut pertumbuhan kesusasteraan khususnya novel di dunia barat pada ketika itu. Yang terpenting ialah peningkatan minat orang ramai untuk membaca novel (Ian Wat, 1967). Faktor yang lain ialah keadaan sosial yang mempercepatkan kemunculan novel pada awal abad yang ke-18 (David Goldkno Pf, 1972).

Kemudahan percetakan membolehkan karya dihasilkan dalam jumlah yang banyak dan ini membolehkan lebih banyak rakyat membacanya. Kesusasteraan yang sebelumnya menjadi monopoli golongan istana telah tersebar luas dalam kalangan masyarakat umum.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, liputan kajian ini mengetengahkan tentang pemikiran kajian masa depan yang dipaparkan dalam novel-novel M.Varatharasan untuk bacaan masyarakat.





Selain itu, ia dapat mendorong masyarakat terutamanya generasi baru agar menjadikannya sebagai panduan dan teladan dalam amalan kehidupan seharian.

Novel merupakan antara genre yang membentuk penerepan nilai kemasyarakatan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada latar belakang kajian, meliputi permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian dan definisi operasional memudahkan kajian dilakukan. Seterusnya, ia akan bersesuaian dengan matlamat kajian bahawa kesusasteraan harus berada seiring dalam perkembangan dunia moden turut memberi sumbangan yang bermanfaat kepada pembangunan negara.

